UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (UTMSPACE)

# e-buletin UTMSPACE

EDISI 35 / 2015

## LAWATAN DELEGASI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

*Pada 7 Julai 2015, UTMSPACE telah menerima kunjungan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris. Rombongan tersebut diketuai oleh Dr. Khalip Musa, selaku Pengarah Pusat Program Luar, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

Tujuan lawatan ini adalah untuk memahami dengan lebih dekat peranan dan fungsi UTMSPACE sebagai institusi yang menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat. Kedua-dua belah pihak saling bertukar pandangan dan cadangan antara satu sama lain untuk program kerjasama di masa akan datang.

Pihak UTMSPACE merakamkan ucapan terima kasih kepada rombongan Universiti Pendidikan Sultan Idris atas kesudian membuat lawatan dan juga menjadikan UTMSPACE sebagai satu penanda aras dalam membangunkan bidang pendidikan lanjutan dan pembelajaran sepanjang hayat.











# HARI TERBUKA DAN PENDAFTARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UTMSPACE

*Melihat kepada matlamat UTMSPACE, pihak UTMSPACE akan sentiasa meletakkan kepuasan pelanggan dan pelajar sebagai satu faktor utama dalam mengekalkan kualiti servis. Tanggal 2 Ogos 2015, satu program Hari Terbuka UTMSPACE telah diadakan di ruang legar Bangunan UTMSPACE Kuala Lumpur.*

Hampir semua staf promosi dan perhubungan pelanggan UTMSPACE mengambil bahagian dalam program Hari Terbuka ini. Pelbagai kaunter telah disediakan termasuk kaunter aduan dan maklumbalas pelanggan, kaunter FB likers dan kaunter info produk UTMSPACE. Perkhidmatan kaunter-kaunter ini bagi memudahkan pelanggan untuk mendapatkan sumber informasi yang lebih lanjut daripada staf secara bersemuka.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan dan semua pelanggan yang berkunjung boleh turut serta dan mencuba nasib. Hadiah berupa hamper telah diberikan kepada mereka yang berjaya. Cenderahati percuma UTMSPACE diberikan kepada semua pelanggan yang berkunjung pada Hari Terbuka ini.








Seiring dengan program Hari Terbuka UTMSPACE, majlis Pendaftaran Program Ijazah Sarjana Muda bagi kemasukan September 2015/16 juga telah diadakan di Dewan Seminar UTMSPACE. Program ini diadakan untuk memudahkan pelajar yang ingin mendaftar masuk, menyemak kelayakan dan mendapatkan surat tawaran jika berjaya. Disamping itu, beberapa orang Penasihat Akademik yang bertugas turut membantu memberikan nasihat dan informasi berkenaan dengan kursus yang ditawarkan.

Seramai 175 orang pelajar telah datang dan mendaftar serta 93 daripadanya mendapat tawaran sementara dan layak menyambung pengajian bagi Semester 1 tahun 2015/2016. Sebanyak 26 program telah ditawarkan diperingkat Ijazah Sarjana Muda pada kali ini. UTMSPACE mengucapkan tahniah kepada semua yang akan melanjutkan pelajaran di 18 pusat pembelajaran UTMSPACE seluruh negara.





# SEMINAR SETIAUSAHA SUPER 2015

Seminar Setiausaha Super 2015 telah diadakan selama 3 hari dari tarikh 25 Ogos 2015 sehingga 27 Ogos 2015, bertempat di Hotel Premeira Kuala Lumpur. Sebelum ini, UTMSPACE pernah mengadakan bengkel Setiausaha yang hanya memfokuskan kepada analisis dan juga teknik ketrampilan. Seminar Setiausaha Super 2015 kali ini menjanjikan kelainan daripada seminar lain kerana pendekatan yang digunakan lebih kepada program berbentuk ilmu. Seminar ini diwujudkan sebagai kesedaran kepada para peserta tentang cara pelanggan dan orang awam menilai jenama dan reputasi majikan dan syarikat melaluti ketrampilan seorang setiausaha.

Seminar Setiausaha Super 2015 ini merupakan kesinambungan modul bagi peserta yang pernah menghadiri Bengkel Setiausaha Super anjuran UTMSPACE sebelum ini. Malah ianya juga tidak terkecuali kepada peserta baru yang ingin turut serta. Kandungan seminar ini juga disusun bagi memahirkan para peserta untuk membina imej yang lebih berpengaruh serta profesional. Peserta juga diberikan pendedahan mengenai teori penulisan Rintas dimana peserta dapat memantapkan kemahiran pengambilan nota dengan pantas, tepat dan betul.









Antara speaker yang meneraju Seminar Setiausaha Super 2015 ini adalah Puan Maryanni Marasip, atau lebih dikenali dengan nama Puan Mary. Beliau merupakan seorang Perunding Imej (Certified Image Consultant, CIC, diiktiraf oleh Poise Image International, Singapore), Konsultan Kerjaya bertauliah (Certified Career Coach, CCC, diiktiraf Expert Rating, USA), dan Trainer Bertauliah di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Selain daripada itu, Tuan Amin Idris juga merupakan speaker kedua dalam seminar ini. Tuan Amin Idris merupakan seorang Pengasas dan Master Trainer di Amin Idris Training Consultant (AITC). Beliau terkenal sebagai Hos di TV Al-Hijrah dalam rancangan temubual pagi Assalamualaikum dan rancangan temubual 'Hardtalk Bicara'. Tuan Amin Idris adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga telah melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dalam bidang Kaunseling.

UTMSPACE juga menjemput Hajah Siti Khalijah Majid sebagai speaker ketiga dalam seminar ini. Beliau merupakan tenaga pengajar di UiTM Pahang. Beliau berkhidmat sebagai Pensyarah Kanan dan Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat. Hajah Siti Khalijah mempunyai pengalaman selama 24 tahun dalam mengajar program Kesetiausahaan dan Pengurusan Pejabat. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Pengurusan Pejabat dan Kemahiran Pejabat.

Terdapat promosi istimewa untuk penyertaan seminar seramai 20 orang dengan hanya perlu membayar RM600 untuk seorang peserta. Antara artis jemputan yang pernah turut serta memeriahkan bengkel setiausaha sebelum ini adalah Wardina Safiah dan Faizal Ismail. Tetapi kali ini, pihak UTMSPACE menjemput artis Amy Mastura sebagai artis jemputan dalam seminar ini.

## MAJLIS KHATAM AL QURAN DAN IFTAR RAMADHAN 1436H









Tarikh 12 Julai 2015, jawatankuasa KESUKEB 2015 – 2017 telah mengadakan Majlis Khatam Al – Quran dan Iftar Ramadhan 1436 Hijrah, peringkat UTMSPACE Johor Bahru. Acara tahunan ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Pengarah Urusan UTMSPACE, Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim dan Dekan UTMSPACE, Prof. Dr. Mohd Fua'ad bin Hj Rahmat.

Majlis dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Pengarah Urusan UTMSPACE dan perkongsian tazkirah ramadhan daripada Dekan UTMSPACE. Majlis Khatam Al Quran dan solat maghrib pada malam tersebut dipimpin oleh saudara Muhammad Amirulhakim bin Saparuddin daripada Mahasiswa Darul Quran.




## MAJLIS HARI RAYA AIDILFITRI 1436H

Menjadi lumrah setiap tahun, UTMSPACE Johor akan mengadakan majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri. Jawatankuasa KESUKEB 2015 – 2017 memilih tarikh 9 Ogos 2015 untuk mengadakan Majlis Hari Raya Aidilfitri 1436H di perkarangan UTMSPACE Johor Bahru.

Majlis sambutan hari raya kali ini digabungkan dengan acara Perhimpunan Bulanan UTMSPACE. Semua staf memakai baju Hari Raya dan baju kebangsaan. Hampir semua unit di UTMSPACE membawa makanan sendiri dan kongsi makan bersama selaras dengan usaha mengukuhkan silaturrahim antara staf.









## TAKLIMAT 'PERSONAL DATA PROTECTION ACT' JOHOR BAHRU

Pada 11 Ogos 2015, Unit Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan taklimat 'Personal Data Protection Act' di bilik seminar UTMSPACE. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Dr. Zainal Abidin bin Sait, Timbalan Pengarah, Jabatan Perlindungan Data, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.





## BENGKEL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (HIRARC) UTMSPACE

**UTMSPACE Johor Bahru**
Tarikh : 17 Ogos 2015
Tempat: Pusat Latihan UTM, Johor

**UTMSPACE Kuala Lumpur**
Tarikh : 27 Ogos 2015
Tempat: Dewan Seminar USKL







## SELAMAT DATANG
### Ke Keluarga UTMSPACE



MOHAMAD ASRI BIN IBRAHIM
Eksekutif Akademik
Pusat Program Diploma
3 Ogos 2015

## SELAMAT MAJU JAYA
### Staf yang telah menamatkan perkhidmatan

| Bil | Nama | Tarikh Akhir Berkhidmat | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1 | Nut Athirah Bt Khalit | 1 Julai 2015 | PPD |
| 2 | Ahmad Syahir B Aminudin | 8 Julai 2015 | UPPF |
| 3 | Faiez Arifth Bin Azizi | 31 Julai 2015 | HRM |
| 4 | Mohd Nur Firdaus Bin Jamaludin | 20 Ogos 2015 | BTMK |

## STAF YANG MENERIMA CAHAYA MATA – TAHNIAH !

| Bil | Nama | Jantina Anak | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1 | Nurul Asikin Binti Jaafar | Lelaki | PPK |
| 2 | Mareeam Muneera Binti Mohammed Kassim | Perempuan | PPD |
| 3 | Puteri Nurain Binti Mad Rais | Perempuan | BKW |
| 4 | Khairunisha Safwana Binti Jumaa Rosidi | Perempuan | PPSM |
| 5 | Ummi Syahidah Binti Manaf | Perempuan | PPSM |

## STAF YANG BERKAHWIN – TAHNIAH !

| Bil | Nama | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|
| 1 | Fahmi Bin Ab Aziz | PPK |
| 2 | Muhammad Yusof Bin Jamil | PPSM |

## PERPINDAHAN STAF

| Bil | Nama | Pusat/ Bahagian |
|---|---|---|
| 1 | Muhammad Hasmanuddin Bin Ismail | BPB KE PPSM |


SIDANG RIDAKSI

**EDITOR** | Farhan Khair bin Fawazul Khair **GRAFIK** | Maria Ahmad **FOTOGRAFI** | Syed Muhammad Hilmi bin Syed Yahya